

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT
ATURAN URUSAN MESYUARAT

NASKHAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA

<http://www.parlimen.gov.my>

HARI SELASA, 13 MEI 2008, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 9

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

1. PR-1211-L12046
Datin Seri Dr. Wan Azizah Binti Wan Ismail [Permatang Pauh] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-
 - (a) jumlah pengeluaran minyak dan gas pada tahun 2007 mengikut pecahan negeri; Kelantan, Terengganu, Sabah dan Sarawak serta hasilnya mengikut pasaran dunia; dan
 - (b) berapakah jumlah 'Royalti' yang diperolehi negeri-negeri tersebut sejak tahun 2004 berdasarkan kadar pengeluaran ini dan berapa lama lagi rezab minyak dan gas dapat bertahan di kawasan-kawasan tersebut.
2. PR-1211-L12518
Datuk Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan bilakah Kerajaan akan dapat memberikan peruntukan yang secukupnya untuk melaksanakan projek naik taraf pengairan kawasan pertanian Sungai Manik dan Labu Kubong, Teluk Intan, Perak supaya produktiviti dapat ditingkatkan ke tahap sekurang-kurangnya sepuluh tan satu hektar
3. PR-1211-L11656
Puan Teo Nie Ching [Serdang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada Kerajaan akan mengikut seruan rakyat untuk membebaskan Badan Pencegahan Rasuah daripada kawalan Jabatan Perdana Menteri dan diletakkan di bawah Parlimen. Jika tidak, mengapa.
4. PR-1211-L12199
Datuk Bung Moktar Bin Radin [Kinabatangan] minta **MENTERI TENAGA, AIR DAN KOMUNIKASI** menyatakan apakah langkah Kementerian dalam membantu prasarana kemudahan rangkaian komunikasi dan jalur lebar terutamanya bagi daerah-daerah luar bandar seperti Kinabatangan.

5. PR-1211-L12688
Dr. Tan Seng Giaw [Kepong] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan tahap pengambilalihan sisa pepejal di seluruh negara dan sistem yang sedang dilaksanakan termasuk peranan Kerajaan-kerajaan Tempatan. Bagaimana Kementerian mengatasi permasalahan tempoh peralihan ini serta mewujudkan cara pembayaran.
6. PR-1211-L12411
Tuan Ismail Bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan adakah Kerajaan menyediakan program-program khusus untuk melatih warga tempatan menjadi pembantu rumah bagi mengurangkan kadar pengantungan kepada pembantu rumah asing di negara ini.
7. PR-1211-L11596
Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan status penggunaan LPG sebagai punca tenaga. Sejauh manakah keberkesanan pelaksanaannya di seluruh Malaysia. Adakah infrastrukturnya cukup bagi menggalakkan pengguna mengalih penggunaan dari petrol kepada LPG.
8. PR-1211-L11838
Tuan Raime Bin Unggi [Tenom] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sejauh mana keupayaan Kerajaan dalam meningkatkan penggunaan swasta yang kini berada pada kadar 14 peratus berjaya mengimbangi pergantungan negara kepada eksport.
9. PR-1211-L11677
Tuan Manogaran a/l Marimuthu [Telok Intan] minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk meningkatkan taraf dan mutu universiti-universiti tempatan.
10. PR-1211-L12261
Tuan Mohd Firdaus bin Jaafar [Jerai] minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan peruntukan yang disediakan khusus untuk pembangunan insan remaja. Nyatakan juga jenis-jenis program atau projek yang dijalankan dan kos bagi tahun 2005 hingga kini bagi setiap negeri.
11. PR-1211-L11341
Tuan Aaron Ago Anak Dagang [Kanowit] minta **MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan apakah strategi atau bantuan Kerajaan bagi meningkatkan pengeluaran dan produktiviti getah terutama di kalangan pekebun kecil getah luar bandar di Sarawak.

12. PR-1211-L11726
Datuk Siringan bin Gubat [Ranau] minta **MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan Sabah kehilangan pendapatan RM300 juta setiap tahun kerana dasar eksport minyak kelapa sawit yang mesti melalui di Semenanjung Malaysia. Apakah tindakan untuk menyelesaikan perkara tersebut yang merugikan negeri Sabah.
13. PR-1211-L11933
Tuan Henry Sum Agong [Lawas] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan bilakah pembinaan R&R di sepanjang jalan Pan Borneo dijalankan.
14. PR-1211-L11423
Datuk Ir. Edmund Chong Ket Wah [Batu Sapi] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan bilakah Kerajaan akan melaksanakan gaji minimum dalam langkah mengurangkan jumlah golongan miskin tegar di negara ini.
15. PR-1211-L11285
Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah] minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan mengapakah pindaan kepada Akta Universiti dan Kolej Universiti masih enggan dibentangkan di Parlimen untuk memberi kelonggaran kepada para pelajar Universiti melibatkan diri di dalam politik.
16. PR-1211-L12072
Datuk Eric Enchin Majimbun [Sepanggar] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapakah bilangan kenaikan perangkaan penduduk mengikut kaum dan negeri dalam tempoh 5 tahun yang lalu hingga 2007 serta bilangan orang asing yang telah diiktirafkan sebagai rakyat Malaysia mengikut tahun yang dimaksudkan itu.
17. PR-1211-L11909
Tuan Lim Lip Eng [Segambut] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan Sehingga kini berapa jumlah aduan telah diterima oleh beliau di laman www.warkahuntukpm.com.my dan selain daripada jawapan automatik emel (automatic computer generated response), berapa aduan rakyat telah diselesai oleh beliau.
18. PR-1211-L12385
Datuk Richard Riot Ak. Jaem [Serian] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan bilakah Poliklinik Serian akan dibina.
19. PR-1211-L12386
Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah strategi dan langkah-langkah Kerajaan untuk menghadapi masalah kekurangan hasil dari pendapatan industri minyak apabila Malaysia menjadi sebuah negara pengimport minyak dalam masa 2-3 tahun dan kehabisan rizab minyak dalam masa 19 tahun.

20. PR-1211-L11874
Tuan Gobind Singh Deo [Puchong] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah terdapat quota berasaskan perkauman dalam proses perlantikan Hakim-hakim dalam negara ini dan sekiranya tidak kenapa jumlah Hakim-hakim berbangsa Cina dan India sangat kurang di negara ini.
21. PR-1211-L11272
Ir. Haji Hamim Bin Samuri [Ledang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah kenyataan bahawa prestasi perkhidmatan meningkat telah mengambil kira tahap kesedaran mereka dalam berterima kasih atas kenaikan gaji sehingga 40% pada tahun 2007 sedangkan mereka masih menuntut pemberian sagu hati RM 2000 tahun ini.
22. PR-1211-L11444
Puan Fuziah binti Salleh [Kuantan] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan sama ada seorang Ahli Parlimen boleh menggunakan kemudahan awam seperti dewan dan padang (di bawah penyelenggaraan PBT) untuk kegunaan bertemu dengan rakyat.
23. PR-1211-L12201
Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli [Kuala Krai] minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan apakah langkah-langkah yang telah diambil dalam menjalinkan hubungan diplomatik dengan Negara Kosovo yang baru merdeka.
24. PR-1211-L11653
Tuan Salleh bin Kalbi [Silam] minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk membina Sekolah Agama di kawasan Parlimen Silam.
25. PR-1211-L11486
Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang] minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan mengapa Kerajaan Malaysia masih belum mewajibkan syarikat-syarikat automotif nasional, Proton dan Perodua, serta syarikat-syarikat Malaysia yang mempunyai lesen pemasangan kenderaan, untuk memasang enjin hybrid yang menjimatkan penggunaan petroleum, seperti yang telah dilakukan oleh Toyota dan Honda di Jepun.
26. PR-1211-L11409
Tuan Kulasegaran A/L Murugeson [Ipoh Barat] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah wang yang diagihkan melalui Ahli Parlimen dan negeri, bagaimanakah dan kepada siapakah wang ini diagihkan di kawasan Parlimen Ipoh Barat, Ipoh Timur dan Batu Gajah.

27. PR-1211-L12573
Tengku Razaleigh Hamzah [Gua Musang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah sasaran, objektif serta jangka waktu pelaksanaan ke semua Koridor yang dilancarkan olehnya akan dikaji semula sesuai dengan perubahan landskap politik masa kini. Adakah akan dirombak serta dikaji penglibatan Kerajaan Negeri dalam pelaksanaan serta perancangannya demi memastikan kejayaannya
28. PR-1211-L11686
Tuan Mohd Nizar bin Zakaria [Parit] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah tindakan dan perancangan bagi mengatasi masalah pengangguran terutamanya bagi golongan muda di dalam negara.
29. PR-1211-L11395
Dr. Lee Boon Chye [Gopeng] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan berapakah jumlah kes pembedahan jantung di hospital-hospital Kerajaan, termasuk Institut Jantung Negara untuk pesakit-pesakit pediatrik pada tahun 2005, 2006 dan 2007.
30. PR-1211-L11344
Puan Nurul Izzah Binti Anwar [Lembah Pantai] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan :-
- (a) apakah langkah-langkah yang akan diambil bagi memulihkan imej Majlis-majlis Perbandaran dan Bandaraya Tempatan dari segi mutu kerja, kecekapan, ketelusan dan bersih dari rasuah; dan
 - (b) bilakah Kerajaan akan melaksanakan Pilihanraya Majlis Perbandaran/Bandaraya Tempatan untuk menjadikan Majlis-majlis ini bertanggungjawab kepada rakyat dan pembayar cukai.
31. PR-1211-L11847
Puan Norah binti Abd Rahman [Tanjong Manis] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan langkah-langkah berkenaan masalah pembekalan pekerja-pekerja tempatan.
32. PR-1211-L11306
Dato' Seri Dr. Fong Chan Onn [Alor Gajah] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan sama ada langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan berjaya menggalakkan pekerja tempatan bekerja dalam sektor-sektor yang mempunyai ramai pekerja asing seperti sektor pembinaan, perkhidmatan dan sebagainya.
33. PR-1211-L12465
Dato' Mukhriz bin Tun Dr. Mahathir [Jerlun] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan apakah pendekatan Kementerian untuk mengawal kenaikan harga makanan asas seperti beras yang sedang berlaku di rantau Asia ini.

34. PR-1211-L12224
Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-
- (a) sampai bilakah Kerajaan akan meneruskan dasar perlindungan terhadap PROTON; dan
 - (b) apakah Kerajaan akan mengkaji semula dasar ini dalam jangka waktu terdekat.
35. PR-1211-L12610
Datuk Nur Jazlan Bin Mohamed [Pulai] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan nisbah jumlah pembayar cukai persendirian dengan jumlah kakitangan Perkhidmatan Awam di dalam negara ini. Adakah jumlah wang cukai yang dikutip dari pembayar cukai persendirian ini cukup untuk membayar gaji keseluruhan pekerja dalam perkhidmatan awam
36. PR-1211-L12655
Dr. Siti Mariah Binti Mahmud [Kota Raja] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah rasional hasrat Kerajaan menswastakan perkhidmatan perubatan dan kesihatan ke atas rakyat Malaysia
37. PR-1211-L12263
Tuan Matulidi bin Jusoh [Dungun] minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan program-program yang telah dijalankan oleh pihak Kementerian bagi mengatasi masalah gejala sosial di kalangan para pelajar sekolah.
38. PR-1211-L11625
Dato' Dr. Mohamad Shahrum bin Osman [Lipis] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan kesan yang mungkin berlaku akibat pemansuhan semangat Dasar Ekonomi Baru (DEB) di bawah Kerajaan Pulau Pinang baru-baru ini.
39. PR-1211-L11602
Tuan Haji Mohd Nor bin Othman [Hulu Terengganu] minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan langkah-langkah yang diambil untuk mengisi kekosongan jawatan Guru Cemerlang di sekolah-sekolah yang masih tidak diisi.
40. PR-1211-L11825
Datuk Haji Baharum Bin Mohamed [Sekijang] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan apakah persiapan yang telah, sedang dan akan dibuat oleh Kerajaan untuk mengekang kenaikan harga beras kerana Negara Pengeluar telah mula menaikkan harganya.

41. PR-1211-L12596
Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan bilangan permohonan kewarganegaraan dan permit masuk bagi isteri asing warganegara Malaysia yang telah diterima, sedang diproses / dalam pertimbangan, diluluskan dan ditolak setakat 31 Mac 2008 dan apakah sebab Kementerian lewat memberikan pertimbangan.
42. PR-1211-L11983
Tuan Taib Azamudden bin Md Taib [Baling] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan adakah Kerajaan Pusat tidak bercadang memansuhkan Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) dan menyeret tahanan-tahanan di bawah akta tersebut ke mahkamah atau membebaskan mereka.
43. PR-1211-L12710
Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan Islam Hadhari berhasrat bagi mempertimbangkan untuk mengharamkan arak dan judi daripada dijadikan perniagaan dan sumber pendapatan rakyat dan negara ini.
44. PR-1211-L12248
Dr. Mujahid bin Haji Yusof Rawa [Parit Buntar] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan berapakah jumlah peruntukan yang diberikan kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di seluruh negeri Perak bagi setiap Daerah dan Daerah mana yang tidak diberikan peruntukan.
45. PR-1211-L11879
Dato' Seri Abdul Hadi bin Awang [Marang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah langkah yang diambil oleh pihak Kerajaan untuk memperkenalkan semula penggunaan dakwat kekal dalam proses pilihan raya akan datang setelah ianya dibatalkan secara mengejut atas alasan masalah perundangan dan ketenteraman awam sebelum Pilihan Raya Umum ke 12 yang lepas.
46. PR-1211-L12420
Dr. Dzulkefly bin Ahmad [Kuala Selangor] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan polisi-polisi berkaitan dengan capaian media yang lebih adil dan bebas bagi mematangkan pendemokrasian media di negara ini
47. PR-1211-L11699
Tuan Khalid bin Abdul Samad [Shah Alam] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah perancangan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER) melibatkan pengambil alihan 66,736 km persegi tanah rezab melayu atau 40 peratus kawasan koridor tersebut.

48. PR-1211-L11459
Tuan Liew Chin Tong [Bukit Bendera] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan status pembatalan perancangan buat Penang Port Sdn. Bhd dan sama ada Kerajaan Pusat mempunyai sebarang rancangan bagi memperbaiki kecekapan Penang Port.
49. PR-1211-L12086
Tuan Loke Siew Fook [Rasah] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah status pelaksanaan dasar "open skies" dalam sektor penerbangan negara setakat ini terutamanya berhubung kait dengan Singapura dan sama ada penerbangan terus dari lapangan-lapangan terbang domestik selain Kuala Lumpur ke Singapura akan dibuka kepada syarikat penerbangan kos rendah (Low Cost Carrier).
50. PR-1211-L11236
Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-
- (a) di peringkat manakah cadangan penubuhan Unit Pemantauan Pembangunan Ekonomi Bumiputera bukan Melayu di negeri Sabah dan Sarawak; dan
 - (b) apakah garis panduan bagi penubuhan unit tersebut.
51. PR-1211-L12464
Tuan Gwo-Burne Loh [Kelana Jaya] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah Kerajaan Malaysia sedar bahawa "Foreign Exchange Control Act" bercanggah dengan Perlembagaan yang membenarkan setiap rakyat Malaysia memilih pekerjaan yang ingin di ceburi dengan bebas.
52. PR-1211-L12441
Tuan Salahuddin Bin Haji Ayub [Kubang Kerian] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah rancangan supaya semua menteri dan timbalan menteri mengisytiharkan harta mereka kepada umum dua kali dalam tempoh lima tahun penggal perkhidmatan meliputi harta keluarga mereka.
53. PR-1211-L12552
Tuan Mohsin Fadzli bin Haji Samsuri [Bagan Serai] minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan peruntukan program sukan amat banyak tetapi mengapa Program Membina Jati Diri diketepikan. Mengapa perkara ini berlaku.

54. PR-1211-L12466
Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan [Keningau] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejauh mana Kerajaan yang baru dibentuk ini serius untuk menggubal undang-undang yang dikenali sebagai 'Undang-undang Anti-Lompat' mengelakkan Ahli Yang Berhormat melompat dari satu parti ke parti yang lain untuk memastikan kestabilan politik.
55. PR-1211-L12002
Tuan Karpal Singh [Bukit Gelugor] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan adakah pihak polis telah menyelesaikan kes pembunuhan kejam ke atas bekas Ketua Polis Negara, Dato' Abdul Rahman Hashim yang ditembak mati di Kuala Lumpur pada tahun 1974. Jika ya, sila berikan butir-butirnya.
56. PR-1211-L12126
Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas] minta **MENTERI PELANCONGAN** menyatakan kenapa Kerajaan Persekutuan menutup pejabat Majlis Tindakan Pelancongan Persekutuan di Negeri Perak baru-baru ini.
57. PR-1211-L11755
Tuan Tan Kok Wai [Cheras] minta **MENTERI PENERANGAN** menyatakan adakah Kerajaan akan mengambil langkah memberi kebebasan dan kelonggaran kepada media elektronik dalam penyiaran berita dan isu politik negara secara adil berikutan kemaraan dan kemudahan serta aksebiliti jaringan internet sebagai medium alternatif rakyat mendapatkan maklumat akibat dasar ketat Kerajaan melarang penyiaran berita pembangkang.
58. PR-1211-L12055
Dato' Wan Abd Rahim bin Wan Abdullah [Kota Bharu] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan jumlah perbelanjaan yang dibuat oleh Kerajaan untuk membuat penyelidikan dan mengembangkan tanaman padi jenis hybrid.
59. PR-1211-L12016
Tuan Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baru] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah status cadangan menggubal Akta Kawalan & Sekatan Pengembangan Agama lain ke atas orang Islam bagi negeri-negeri Sabah, Sarawak, Pulau Pinang dan Wilayah Persekutuan berdasarkan Artikel 11 (4) Perlembagaan Persekutuan.

60. PR-1211-L12157
Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan selepas MAS mengambil alih perkhidmatan udara di kawasan pedalaman Sabah dan Sarawak, adakah AirAsia telah membayar balik subsidi sebanyak RM60 juta kepada Kerajaan dan adakah AirAsia telah membayar semua hutangnya kepada Malaysia Airports Holdings Bhd.
61. PR-1211-L11819
Datuk Haji Abd Rahman bin Dahlan [Kota Belud] minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan adakah Kementerian Pertahanan bersetuju untuk mengeluarkan kawasan Kampung Rosok dan Kampung Bengkahak dari tanah gazet yang diperuntukan untuk Kem Tentera Paradise di daerah Kota Belud.
62. PR-1211-L11366
Puan Chong Eng [Bukit Mertajam] minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan :-
- (a) sama ada Kementerian akan mengkaji balik dasar Kerajaan yang tidak membina SRJK(C) dan SRJK(T) baru mengikut keperluan; dan
 - (b) apakah bantuan yang akan diberi kepada SRJK(C) Chong Tek untuk membina semula bangunan tidak selamat dan penempatan semula SRJK(C) Yang Cheng dan SRJK(C) Beng di negeri Pulau Pinang.
63. PR-1211-L11549
Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur] minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan sama ada beliau bercadang untuk memulihkan meritokrasi sebagai pertimbangan utama dalam pengambilan mahasiswa, pelantikan serta kenaikan pangkat staf-staf akademik sebagai langkah terpenting untuk menjadikan universiti-universiti Malaysia bertaraf dunia.
64. PR-1211-L12144
Dato' Abu Bakar Bin Taib [Langkawi] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan :-
- (a) adakah beliau berpuashati dengan keadaan feri terutamanya dari tanah daratan ke Langkawi dari segi tambang, keselesaan, keselamatan dan perkhidmatan kepada pelanggannya; dan
 - (b) adakah Menteri atau Timbalan Menteri atau Ketua Setiausahanya sendiri bercadang melihat dengan sendiri secara 'incognito' di terminal-terminal feri dan di atas feri sebagai penumpang biasa terutama sekali pada musim cuti.

65. PR-1211-L12742
Datuk Abdul Ghapur Bin Haji Salleh [Kalabakan] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-
- (a) semenjak pelaksanaan Rancangan Malaysia Ke-8 hingga sekarang berapa banyakkah projek Kerajaan Persekutuan yang bernilai RM 10 juta ke atas yang telah dilaksanakan di negeri Sabah; dan
 - (b) Bolehkah Kementerian menyenaraikan semua kontraktor pelaksana yang dilantik dan berapa banyakkah di antara projek ini yang masih terbengkalai
66. PR-1211-L12497
Datuk Juslie Bin Ajirol [Libaran] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan melalui kajian Pembangunan Rangkaian Jalan (Highway Network Development Plan atau HNDP FASA 2:-
- (a) berapakah kos dan masa yang diambil bagi melaksanakan pembangunan jalan-jalan tersebut; dan
 - (b) hasil kajian Kementerian yang mana satu jalan-jalan di Sabah menjadi keutamaan.
67. PR-1211-L12722
Dato' Ismail bin Kasim [Arau] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan usaha-usaha pihak Kementerian untuk meningkatkan lagi kemajuan wanita dalam tempoh Rancangan Malaysia Ke-9 terutamanya melalui penyertaan wanita-wanita dalam aktiviti perniagaan dan keusahawanan misalnya melalui penggabungan dan penyepaduan, bantuan kewangan dan penyediaan program yang lebih baik.
68. PR-1211-L11325
Puan Rosnah Binti Abdul Rashid Shirlin [Papar] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan langkah-langkah lebih pro-aktif bagi melindungi para pembeli rumah seperti mewajibkan pemaju perumahan menjadi penjamin terhadap pinjaman pembeli sehingga tarikh penyerahan kunci sebagai tanda komitmen terhadap pembeli.
69. PR-1211-L11971
Datuk Seri Panglima Mojilip bin Bumburing @ Wilfred [Tuaran] minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan sama ada Kerajaan ada rancangan untuk mempertingkatkan status 'Mission School' dari segi peruntukan seperti bantuan yang diberi kepada sekolah jenis kebangsaan Cina dan Tamil.

70. PR-1211-L12459
Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan ekoran pembubaran Dewan Rakyat pada tahun ini, berapakah jumlah amaun ganjaran yang telah dibayar kepada anggota Kabinet dan Parlimen yang telah bersara atau diberhentikan perkhidmatan mereka mengikut pecahan ahli Parlimen dan anggota Kabinet
71. PR-1211-L11907
Dato' Haji Abdul Halim Bin Abdul Rahman [Pengkalan Chepa] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah pendirian sebenar Kerajaan pusat terhadap negeri-negeri yang dimenangi oleh parti pembangkang. Apakah Kerajaan Persekutuan bercadang untuk menubuhkan Jabatan Pembangunan Persekutuan di negeri Kedah, Pulau Pinang, Perak dan Selangor.
72. PR-1211-L12603
Tuan Sivarasa A/L K.Rasiah [Subang] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan :-
- (a) walaupun ada peraturan 7,8 dan 9 di Peraturan Pemaju Perumahan (Akaun Pemajuan Perumahan) 1991 yang meletak syarat ketat sebelum wang boleh dikeluarkan dari akaun tersebut, apakah sebabnya banyak projek perumahan telah terbengkalai; dan
 - (b) apakah tindakan yang telah diambil oleh Kementerian terhadap pihak-pihak yang bertanggungjawab atas pembayaran wang daripada akaun tersebut yang tidak sah.
73. PR-1211-L12227
Dr. Lo' Lo' binti Mohamad Ghazali [Titiwangsa] minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan berapakah dewan orang ramai dan komuniti yang telah dibina oleh Unit Perancang Ekonomi (EPU) di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan.

ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL

1. **Usul dibuat oleh Yang Berhormat Dato' Seri Ong Ka Ting [Kulai] dan masalah dicadangkan :-**

“Bahawa suatu ucapan yang tidak sepertinya dipersembahkan kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya:-

“Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Rakyat Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang ikhlas daripada Majlis Dewan Rakyat mengucapkan berbanyak-banyak syukur dan menjunjung kasih kerana Titah Ucapan Tuanku semasa membuka Penggal Pertama Parlimen Yang Kedua Belas”.

Menyambung semula perbahasan atas masalah (12 Mei 2008)

2. **Perdana Menteri** akan mencadangkan :-
“Bahawa mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 76, Dewan ini melantik sebuah Jawatankuasa Pemilih bagi tempoh Parlimen Kedua Belas yang mengandungi seorang Pengerusi dan 6 orang lagi Ahli Jawatankuasa seperti berikut:
 1. Tuan Yang di-Pertua Dewan Rakyat (Pengerusi);
 2. Yang Amat Berhormat Dato' Sri Haji Mohd Najib bin Tun Haji Abdul Razak, Ahli Parlimen Pekan;
 3. Yang Berhormat Dato' Seri Ong Ka Ting, Ahli Parlimen Kulai;
 4. Yang Berhormat Tan Sri Bernard Giluk Dompok, Ahli Parlimen Penampang;
 5. Yang Berhormat Datuk Douglas Uggah Embas, Ahli Parlimen Betong;
 6. Yang Berhormat Datuk S. Subramaniam, Ahli Parlimen Segamat; dan
 7. Yang Berhormat Datin Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail, Ahli Parlimen Permatang Pauh, Ketua Pembangkang ”.

3. **Perdana Menteri** akan mencadangkan :-

“Bahawa Yang Berhormat Dato’ Seri Azmi bin Khalid, Ahli bagi kawasan Padang Besar dan Yang Berhormat Dr. Tan Seng Giaw, Ahli bagi kawasan Kepong masing-masing dipilih sebagai Pengerusi dan Timbalan Pengerusi Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara bagi Parlimen Kedua Belas.”

4. (D.R 1/2008) **Rang Undang-Undang Lembaga Perkhidmatan Kewangan Luar Pesisir Labuan (Pindaan) 2008** Bacaan Kali Yang Kedua

[Menteri Kewangan]

5. **Menteri Kewangan** akan mencadangkan :-

“Bahawa Dewan ini, mengikut peruntukan di bawah Seksyen 10(4) (a) Akta Tatacara Kewangan 1957 (Semakan 1972), membuat ketetapan bersetuju supaya Jadual Kedua Akta tersebut dipinda dengan menambah kepadanya butiran baru seperti berikut :-

‘Kumpulan Wang Amanah Projek Penandaan Dan Pengukuran Sempadan Bersama Antara Negeri-Negeri Semenanjung Malaysia.’ “

6. PR-1211-U11249

Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil maklum bahawa ‘Cabotage Policy’ yang diamalkan sekarang haruslah dimansuhkan memandangkan polisi ini akan membantutkan usaha Kerajaan dalam menggalakkan lebih ramai lagi pelabur untuk melabur di negeri Sabah. Dan mengambil maklum bahawa ‘Cabotage Policy’ yang telah dikuatkuasakan sejak tahun 1980 ini membebankan rakyat Sabah kerana mereka terpaksa membayar 20-30% lebih bagi barangan yang di import ke negeri Sabah berbanding dengan rakyat di Semenanjung Malaysia. Dan mengambil maklum bahawa ‘Cabotage Policy’ yang diperkenalkan mengikut ‘Merchant Shipping Act’ 1952 melalui ‘Domestic Shipping Licensing Board’ bagi melindungi industri perkapalan negara pada ketika itu, telah pun lapuk di mana pada masa ini kebanyakan barangan boleh diimport terus ke negeri Sabah dari negara asal dan negara sudah mempunyai banyak syarikat perkapalan. Maka dengan ini Dewan hendaklah mengambil ketetapan untuk meminta Kerajaan untuk memansuhkan ‘Cabotage Policy’ ini dan mengamalkan ‘Open Sea Policy’ bagi menggalakkan pertumbuhan ekonomi di negeri Sabah khasnya dan menjayakan Sabah ‘Development Corridor’.

(Menteri Pengangkutan)

7. PR-1211-U11250

Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil maklum bahawa tahap pencemaran bunyi bising terutama sekali daripada 'Car Horn', para penjual langsung seperti penjual gas dan lain-lain yang masuk ke taman-taman perumahan dan kampung-kampung telah mencapai tahap yang kritikal dan membimbangkan kesihatan rakyat.

Dan mengambil maklum bahawa menurut kajian yang dijalankan oleh 'Egyptian National Research Centre' (NRC), setiap hon yang dibunyikan mencapai tahap bunyi 90 Desibel (Dbs), jauh melebihi had yang dibenarkan oleh 'Environmental Protection Agency' iaitu 35-35 Dbs. Dan mengambil maklum bahawa menurut kajian tersebut lagi, pencemaran bunyi bising ini boleh menyebabkan ketidakselesaan hidup rakyat di mana ianya boleh menyebabkan Penambahan Hormon Tekanan Jiwa, pembengkakan dan perubahan kimia badan yang boleh menyebabkan masalah ketidakseimbangan atau kerosakan aliran darah dalam badan serta serangan jantung. Dan mengambil maklum bahawa kajian tersebut juga mendapati bahawa pencemaran bunyi bising juga boleh menyebabkan masalah kesihatan seperti penyakit darah tinggi, kehilangan daya pendengaran dan ketidakstabilan mental. Maka dengan ini Dewan hendaklah mengambil ketetapan untuk meminta Kerajaan untuk meminda akta bagi membendung dan mengawal masalah pencemaran bunyi demi untuk kesejahteraan hidup rakyat.

(Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar)

8. PR-1211-U11256

Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil maklum bahawa golongan belia dan beliawanis hari ini adalah pemimpin hari esok.

Dan mengambil maklum bahawa golongan belia dan beliawanis pada hari ini lebih cenderung kepada pusat rekreasi berasaskan Internet mengambil maklum bahawa golongan belia dan beliawanis pada hari ini juga lebih cenderung untuk mendapatkan maklumat melalui Internet yakni laman-laman web dan blog berbanding dengan cara terdahulu iaitu melalui media massa dan elektronik. Dan mengambil maklum juga bahawa, oleh kerana kecenderungan belia dan beliawanis ini melayari Internet, mereka pada hari ini seolah-olah terasing dan lebih tepat lagi mereka mengasingkan diri daripada apa jua program yang dianjurkan Kerajaan dan ini sekali gus menyebabkan mereka tidak mendapat penjelasan mengenai program-program serta agenda-agenda pembangunan yang dijalankan oleh Kerajaan.

Bagi mengatasi masalah ini, pihak Kerajaan haruslah merangka satu pelan induk yang efektif, di mana Kerajaan melalui wakil-wakil rakyat dan kakitangan Kerajaan menyediakan satu forum yang bersesuaian dengan cita rasa golongan belia dan beliawanis hari ini. Maka dengan ini Dewan hendaklah mengambil ketetapan untuk meminta Kerajaan melalui Kementerian Belia dan Sukan untuk menubuhkan 'One Stop Centre' di setiap kawasan Parlimen di Malaysia, di mana pusat ini akan dijadikan sebagai pusat maklumat, rekreasi berinteraksi dan tempat di mana wakil rakyat serta kakitangan Kerajaan dapat menemui dan mendekati golongan belia dan Kerajaan bagi menerangkan semua program-program dan polisi Kerajaan."

(Menteri Belia dan Sukan)

9. PR-1211-U12705

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini akan membincangkan pelbagai aspek penjenayahan di negara ini. Bahawa Dewan ini juga akan membahaskan setakat mana pelaksanaan syor-syor Suruhanjaya diraja Polis dapat mengatasi penjenayahan."

(Menteri Dalam Negeri)

10. PR-1211-U12709

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini memperbahaskan implikasi masalah ekonomi Amerika Syarikat seperti skandal subprime terhadap ekonomi Malaysia. Bahawa Dewan ini hendak mengetahui tindakan yang perlu diambil untuk menghadapi faktor-faktor yang kena-mengena dengan ekonomi tersebut."

(Menteri Kewangan)

11. PR-1211-U11516

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil keputusan untuk membenarkan siaran langsung televisyen sepenuhnya bagi sidang Dewan Rakyat supaya rakyat boleh menonton ucapan para ahli berhormat dan proses Dewan Rakyat membuat keputusan terhadap dasar dan undang-undang."

(Menteri Penerangan)

12. PR-1211-U11517

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil keputusan untuk memulihkan pilihan raya Kerajaan tempatan demi menjadikan perkhidmatan Kerajaan tempatan di negara kita lebih berkesan di samping memulangkan hak rakyat untuk memilih Datuk Bandar dan ahli Majlis Kerajaan Tempatan."

(Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan)

13. PR-1211-U11519

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil keputusan untuk mendesak Kerajaan untuk melaksanakan kempen kitar semula dan kempen pengurangan penggunaan plastik dengan lebih gigih demi memelihara kebersihan alam sekitar."

(Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan)

14. PR-1211-U11520

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil keputusan untuk mengembalikan Akta Perkhidmatan Parlimen yang telah dimansuhkan pada tahun 1993 sebagai langkah untuk menjadikan Parlimen Malaysia sebagai Parlimen Dunia Pertama."

(Perdana Menteri)

15. PR-1211-U11523

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini menyokong cadangan Suruhanjaya DiRaja Penambahbaikan Perjalanan dan Pengurusan PDRM dan YAB Perdana Menteri untuk menubuhkan Suruhanjaya Bebas dan Salah Laku Polis (IPCMC)."

(Menteri Dalam Negeri)

16. PR-1211-U12088
Datuk Eric Enchin Majimbun [Sepanggar] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini menetapkan dengan seriusnya agar pendengaran yang dikendalikan oleh Mahkamah Majistret bergerak di daerah-daerah di seluruh negara demi untuk membantu penduduk di luar bandar dapat diberi kemudahan utama. Dengan adanya Mahkamah Majistret bergerak maka sudah tentunya penduduk-penduduk luar bandar diberi peluang untuk memohon bantuan guaman serta pendengaran kes-kes tribunal dan juvana dapat disegerakan."

(Perdana Menteri)

17. PR-1211-U12093
Datuk Eric Enchin Majimbun [Sepanggar] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini membincangkan dengan seriusnya untuk menetapkan supaya mempertingkatkan penggunaan baja-baja organik demi untuk mengelakkan penggunaan baja in-organik yang diperolehi terutama sekali daripada bahan petroleum di mana harga bahan mentah melambung tinggi. Logikanya ialah peningkatan bahan baja organik boleh didapati dengan mudah iaitu dari hasil bumi kita yang kaya dengan bahan-bahan ini, contohnya dari sisa hasil makanan rakyat jelata negara ini."

(Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani)

18. PR-1211-U12097
Datuk Eric Enchin Majimbun [Sepanggar] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini menetapkan dengan seriusnya, demi untuk memperluaskan pendidikan dan sekolah khas bagi kanak-kanak sub-normal serta yang hyper-aktif. Dengan perkembangan sekolah khas tersebut ke daerah-daerah tertentu maka ini dapat memudahkan ibu bapa menghantar anak-anak golongan hyper-aktif ini mendapat peluang pendidikan bersama-sama dengan semua pelajar kelak."

(Menteri Pelajaran)

19. PR-1211-U12648
Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan yang mulia ini meluluskan ketetapan bahawa Kerajaan Persekutuan hendaklah memulihkan semula pilihan raya Kerajaan Tempatan di semua Majlis / Dewan Bandar raya dan Majlis Perbandaran seluruh negara dengan mengambil tindakan meminda Perlembagaan Persekutuan dan Akta Kerajaan Tempatan bagi maksud tersebut supaya kuasa perwakilan rakyat di dalam Kerajaan Tempatan dikembalikan selaras dengan amalan Demokrasi Berparlimen di Malaysia dan tuntutan rakyat sebagaimana yang dijelmakan dalam keputusan Pilihan raya Umum 2008 yang mencerminkan kehendak dan hasrat rakyat."

(Menteri Perumahan dan Kerajaan Persekutuan)

20. PR-1211-U11457
Tuan Kulasegaran A/L Murugeson [Ipoh Barat] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil keputusan untuk memastikan Kerajaan Persekutuan memperkenalkan Pilihan Raya Majlis Tempatan dan dengan secepat yang mungkin."

(Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan)

21. PR-1211-U12502
Tuan Salahuddin bin Haji Ayub [Kubang Kerian] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengutuk keras tindakan ahli Parlimen Belanda, Geert Wilders yang menerbitkan filem pendek, 'Fitna' yang telah mencemarkan kesucian agama Islam. Dewan ini berpandangan bahawa hak kebebasan individu tidak boleh disalahgunakan untuk melakukan apa sahaja, termasuk mencabul hak masyarakat. Tindakan Geert Wilders telah mencalarakan hati 1.3 bilion umat Islam di seluruh dunia. Dewan ini juga melahirkan kebimbangan sekiranya perbuatan biadab seperti ini dibiarkan akan merangsang tindakan di luar batas undang-undang. Ia adalah satu bentuk provokasi atas umat Islam supaya melakukan keganasan. Dewan ini dengan ini mendesak Parlimen Belanda supaya mengambil tindakan yang keras terhadap seorang manusia yang tidak bertamadun seperti Geert Wilders."

(Menteri Luar Negeri)

22. PR-1211-U12517
Tuan Salahuddin bin Haji Ayub [Kubang Kerian] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mendesak Kerajaan Malaysia mengkaji semula dasar-dasar yang digubal untuk membangunkan Wilayah Pembangunan Iskandar yang dilihat memberikan keuntungan ekonomi, politik dan sosial kepada Singapura. Dewan ini berpandangan bahawa WPI tidak seharusnya menjadi satu laluan kepada Singapura untuk 'menjajah' negara ini dalam bentuk baru (neo-colonialism)."

(Perdana Menteri)

23. PR-1211-U12520
Tuan Salahuddin bin Haji Ayub [Kubang Kerian] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mendesak Kerajaan menurunkan harga petrol sebanyak RM0.30 memandangkan kos hidup rakyat semakin meningkat pada hari ini. Dewan ini berpandangan bahawa kenaikan harga minyak dalam Dolar US tidak boleh dijadikan sandaran untuk mengekalkan harga petrol kerana nilai Ringgit Malaysia lebih kukuh daripada Dolar US sekarang. Dewan ini mencadangkan kos untuk mengurangkan harga petrol ini disubsidikan oleh Petronas sepenuhnya."

(Menteri Kewangan)

24. PR-1211-U12526
Tuan Salahuddin bin Haji Ayub [Kubang Kerian] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini akan mengkaji semula Peraturan Dewan bagi membolehkan urusan pembangkang didahulukan sebelum urusan Kerajaan. Dewan ini berpandangan bahawa Dewan ini adalah Dewan Rakyat yang perlu membawa suara rakyat dan mengambil berat kepentingan rakyat. Sebelum ini Dewan ini pernah mengamalkan dasar mengutamakan urusan pembangkang sehingga banyak kepentingan rakyat dapat dibahaskan sebelum ia dipinda bagi memberi keutamaan kepada urusan Kerajaan.

Dewan ini melahirkan rasa kesal kerana pihak Kerajaan gagal mengambil berat pandangan-pandangan pembangkang, khususnya usul-usul yang dikemukakan semenjak urusan Kerajaan diutamakan."

(Perdana Menteri)

25. PR-1211-U12529
Tuan Salahuddin bin Haji Ayub [Kubang Kerian] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mendesak supaya semua tahanan ISA untuk dibicarakan di mahkamah terbuka atau dibebaskan jika Kerajaan tidak mempunyai bukti ke atas segala tuduhan ke atas semua. Dewan ini amat kesal ke atas penyalahgunaan ISA untuk kepentingan politik parti pemerintah."

(Menteri Dalam Negeri)

26. PR-1211-U12535
Tuan Salahuddin bin Haji Ayub [Kubang Kerian] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengutuk keras tindakan SPR membatalkan penggunaan dakwat kekal dalam pilihan raya lepas. Dewan ini berpandangan bahawa tindakan tersebut adalah satu persekongkolan antara SPR dan BN untuk membolehkan pengundi hantu beroperasi bagi memenangkan BN.

Dewan ini mendesak supaya sebuah Suruhanjaya ditubuhkan bagi menyiasat tindakan SPR yang mensabotaj rakyat dalam pilihan raya lepas."

(Perdana Menteri)

27. PR-1211-U12740
Dr. Dzulkefly bin Ahmad [Kuala Selangor] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mendesak Kerajaan bagi membolehkan rakyat mendapat akses khasnya yang dipegang oleh badan-badan awam dengan menyegerakan pengenalan dasar dan undang-undang kebebasan Hak Mendapat Maklumat. Berlatar belakang kedudukan gejala rasuah yang semakin parah dan membarah seperti yang diketahui umum kini. Dewan ini berpandangan bahawa dasar dan undang-undang ini adalah amat penting bagi menggalakkan keterbukaan dan ketelusan amalan Kerajaan meningkatkan integriti dan kepercayaan rakyat terhadap institusi-institusi Kerajaan sekali gus menangani penyalahgunaan kuasa dan rasuah."

(Perdana Menteri)

28. PR-1211-U12741
Dr. Dzulkefly bin Ahmad [Kuala Selangor] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini merakamkan kekesalan dan kekecewaan yang amat sangat atas perubahan sikap pihak SPR yang gagal memenuhi beberapa janji mereka untuk memastikan bahawa PRU Ke-12 khususnya penggunaan dakwat kekal bagi mengelakkan pengundi 'multiple' dan capaian atau akses media yang adil dan bebas oleh semua parti-parti yang bertanding dalam pilihan raya yang lalu sehingga berlaku sekali 'media blitz' oleh pihak BN. Dewan ini mendesak supaya permohonan BERSIH bagi mewujudkan sebuah Suruhanjaya Bebas ditubuhkan segera bagi menyiasat segala dakwaan salah-laku, penyalahgunaan kuasa, kewujudan 'multiple voters' pelanggan undang-undang dan akta-akta pilihan raya secara menyeluruh bagi mempertingkatkan dan menambah baik proses pilihan raya."

(Perdana Menteri)

29. PR-1211-U12583
Dr. Dzulkefly bin Ahmad [Kuala Selangor] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mendesak Kementerian Pelajaran supaya membuat perisytiharan terbuka tentang penggunaan semula Bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar untuk subjek Sains dan Matematik di sekolah."

(Menteri Pelajaran)

30. PR-1211-U12554
Tuan Mahfuz bin Omar [Pokok Sena] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengutuk sikap tidak profesional Menteri Pelancongan yang membatalkan MoU berkaitan pelancongan dengan lima buah negeri yang dikuasai oleh Pakatan Rakyat atas alasan tidak bersefahaman. Dewan ini berpandangan bahawa alasan tersebut bukan sahaja tidak munasabah, bahkan dipengaruhi oleh pemikiran politik kepartian yang amat sempit dan dangkal."

(Menteri Pelancongan)

31. PR-1211-U12590
Tuan Mahfuz bin Omar [Pokok Sena] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mendesak Kerajaan Malaysia mengkaji semula AUKU supaya ia selaras dengan hak-hak kebebasan rakyat yang dijamin oleh Perlembagaan. Dewan ini berpandangan sekatan yang dikenakan oleh AUKU ke atas kebebasan pelajar adalah bercanggah dengan Hak Asasi Manusia."

(Menteri Pengajian Tinggi)

32. **Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan]** akan mencadangkan:-

“Bahawa Dewan ini mengambil maklum bahawa mutu dan nilai-nilai pengakap di kalangan murid-murid sekolah pada hari ini kian menurun berbanding dengan mutu dan nilai-nilai pengakap terdahulu. Dan mengambil maklum bahawa penurunan ini disebabkan kerana tiadanya guru-guru atau pegawai pengakap yang bertauliah atau berpengalaman bagi mengawasi badan-badan pengakap di sekolah-sekolah ini. Dan mengambil maklum bahawa amalan masa kini adalah memberikan tanggungjawab sepenuhnya kepada guru penasihat badan-badan pengakap ini sebagai pembimbing sedangkan guru-guru ini telah pun dibebani oleh tugas-tugas perguruan dan terdapat juga guru-guru yang tidak mempunyai pengetahuan ataupun pengalaman asas sebagai pengakap. Maka dengan ini Dewan hendaklah mengambil ketetapan untuk meminta Kerajaan melalui Kementerian Pelajaran untuk membantu tugas formasi pengakap dengan menyediakan guru-guru pengakap yang bertauliah yang telah dilatih oleh Persatuan Pengakap Malaysia.”

(Menteri Pelajaran)

33. **Tuan Sivarasa A/L K.Rasiah (Subang)** akan mencadangkan:-

“Bahawa Dewan ini memberikan kebenaran menurut Peraturan Mesyuarat 49(1) kepada YB. Ahli bagi Kawasan Subang untuk mencadangkan suatu Rang Undang-undang Ahli Persendirian bernama Rang Undang-undang Kebebasan Maklumat 2008.”

**RISALAT-RISALAT YANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT
(DEWAN RAKYAT)**

| <u>TAHUN 2008</u> | <u>RISALAT/DOKUMEN</u> | <u>TARIKH DIBENTANGKAN</u> |
|------------------------------|---|---------------------------------------|
| ST.19 | Laporan Tahunan Dan Penyata Kewangan Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia bagi Tahun 2006. (Telah Diaudit). | 13 Mei 2008 |
| ST.26 | Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Pembangunan Langkawi Bagi Tahun 2006 (Telah Diaudit) | 13 Mei 2008 |